

22 OCT 2003

Mahathir-Fundamentalisme/I

DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN TERUS MENJELASKAN FUNDAMENTALISME ISLAM

Oleh: Openg Onn

JOGJAKARTA, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan terus menerangkan dengan jelas asas pengajaran Islam yang menekankan kesederhanaan dan toleransi.

Perdana Menteri berkata beliau mungkin tidak berjaya tetapi beliau akan mencuba dengan menyebut kata-kata Confucius "perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama."

"Saya sedang mengadakan langkah pertama. Saya akan mencuba walaupun jika anda memikirkan bahawa anda akan gagal. Itulah falsafah saya," kata beliau pada wawancara khas dengan sebuah stesen televisyen tempatan, TV7 di sini hari ini.

Wawancara sejam itu disiarkan secara langsung oleh stesen itu yang dikendalikan oleh anggota panel terdiri daripada empat wartawan kanan Indonesia.

Beliau ditanya sama ada beliau akan menentang feundamentalisme agama dan mengajar toleransi agama walaupun selepas beliau bersara pada akhir bulan ini setelah menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-empat selama 22 tahun.

"Saya mahu membetulkan kenyataan anda bahawa saya menentang fundamentalisme. Saya seorang fundamentalis, dalam erti kata saya mengikuti pengajaran Islam yang sebenar.

Dr Mahathir berkata asas pengajaran Islam adalah semuanya baik tetapi selepas 1,400 tahun, orang telah mentafsirkan dan manyalahafsirkan Islam bahawa hari ini ia telah menjadi hampir satu agama yang berlainan -- satu agama yang ganas, ketinggalan dan tidak stabil.

Ini bukanlah kerana Islam tetapi kerana ada orang yang mentafsirkan semula dan menyalahafsirkan, kata beliau.

"Apa yang saya cuba katakan ialah kita balik kepada asas fundamental Islam supaya kita akan lebih sederhana. Kita bukan sederhana tetapi mereka yang rapat dengan pangajaran Islam, kata beliau.

Dr Mahathir berkata bahawa pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini di Kuala Lumpur, beliau telah menyeru Umat Islam kembali kepada pengajaran islam yang asal seperti yang dibawa oleh Nabi Muhammad.

"Kini kita berpecah kepada beribu agama yang berlainan, sunnah, syiah, kita ada pelbagai tarikat, imam dan mereka semua mengajar yang berlainan menyebabkan kita berperang antara satu sama lain.

Itu bukanlah Islam. Kita adalah adik-beradik. Jika anda mengaku bahawa anda adalah orang Islam, anda adalah adik beradik, inilah yang kita cuba kembangkan, kata beliau.

Perdana Menteri percaya bahawa jika orang Islam berbuat demikian, mereka akan berjaya seperti Arab jahiliah, dalam menerima Islam, yang menzahirkan penubuhan tamadun terbesar dunia - tamadun Islam.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai isu air membabitkan Malaysia dan jirannya di selatan, Singapura dan kenapa pertikaian itu tidak ditangani menerusi semangat Asean.

Beliau berkata ia melibatkan persoalan perspektif dengan Malaysia dalam mengambilkira penjualan air pada kadar tiga sen bagi 1,000 gelen yang ditetapkan pada 1957, sebagai tidak adil.

"Kita meminta Singapura mengkaji semula harga selanjutnya tetapi republik itu berkata bahawa perjanjian mengatakan selagi mereka setuju, kita tidak boleh mengkaji semula, dan mereka tidak setuju.

Mereka menganggap harga tiga sen itulah walaupun pada satu masa mereka bersetuju menaikkan harga," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Singapura membuat keuntungan yang banyak dan Malaysia menyedari dengan tanggungjawabnya untuk menyediakan air yang mencukupi kepada pulau itu bagi kegunaan rakyatnya dan air tidak mencukupi untuk memperolehi keuntungan daripadanya.

"Dengan itu sehingga sekarang Singapura enggan berunding, jadi kita ke timbangtara (Mahkamah Keadilan Antarabangsa)," beliau menerangkan.

Dr Mahathir juga membuat penjelasan lain mengenai laporan akhbar baru-baru ini bahawa beliau dikritik oleh Presiden Amerika Syarikat George Bush mengenai kenyataan beliau terhadap Yahudi pada mesyuarat Ekonomi Kerjasama Asia Pasifik (Apec) yang baru berakhir di Bangkok.

Perdana Menteri dikecam oleh pemimpin barat termasuk Bush kerana kenyataan beliau yang dianggap anti-Yahudi pada mesyuarat OIC di Kuala Lumpur.

Mengulangi penjelasan sebelum ini kepada media di Bangkok, beliau berkata beliau ditarik ke tepi oleh Bush bukan untuk mengkritik beliau tetapi sebenarnya menerangkan kenapa beliau (Bush) menggunakan perkataan yang keras terhadap beliau dalam reaksi beliau (Bush) terhadap kenyataan Dr Mahathir mengenai Yahudi.

"Itu sahaja. Saya beritahu beliau saya faham," kata beliau.

Beliau berkata media telah menanyakan beliau sama ada beliau memikirkan bahawa itulah cara kelakuan orang Amerika, mengatakan sesuatu kepada seseorang dan kemudian mengatakan perkara yang lain kepada orang lain.

"Jawapan saya ialah, saya tidak tahu. Apa yang saya tahu ialah beliau (Bush) tidak mengkritik saya. Beliau merapati saya untuk memohon maaf terhadap perkataan keras yang digunakan," kata beliau.

Beliau berkata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar bertemu dengan Setiusaha Negara Amerika Syarikat, Collin Powell, yang menerangkan bahawa beliau telah membaca keseluruhan ucapan dan memahaminya.

"Beliau (Powell) memahami bahawa saya mengatakan sesuatu mengenai Yahudi tetapi saya juga banyak bercakap mengenai orang Islam. Jadi itu merupakan ucapan seimbang," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Powell tidak dukacita mengenai ucapan itu dan mengatakan "saya menjangkakan bahawa beliau telah memberitahu ketuanya. Tetapi apa pun, saya tidak dikritik."

-- BERNAMA

OPP JM BK